

Palanivel: Zaman kalungan bunga sudah berlalu
Malaysiakini.com
Disember 28, 2010

Tiga minggu selepas mengambil alih kepimpinan parti daripada Datuk Seri S Samy Vellu pada 6 Disember, Presiden MIC yang baru Datuk G Palanivel kini keluar dari bayang-bayang mentornya.

Pada satu wacana harmoni kepimpinan parti itu di Selangor minggu lepas, tanpa membuang masa presiden baru MIC itu menegaskan mahu memulihkan parti sebagai pembela utama yang memperjuangkan nasib masyarakat India.

Palanivel mengambil pendirian tegas memperingatkan para pemimpin parti, terutamanya yang memegang jawatan utama dalam MIC, supaya bingkas turun padang memberikan khidmat kepada masyarakat.

"Beliau mengarahkan mereka supaya turun ke bawah, berjumpa masyarakat India bukan hanya pada majlis yang dianjurkan tetapi pergi ke kuil-kuil, menghadiri majlis perkahwinan dan menziarahi upacara pengebumian," kata seorang pemimpin parti yang menghadiri mesyuarat pada 23 Disember lepas.

Palanivel turut mengarahkan anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) supaya bertemu masyarakat secara berkumpulan pada setiap Ahad di ibu pejabat parti, katanya kepada Bernama hari ini.

"Palanivel mahu mereka bergerak secara teratur sebagai satu kumpulan dan bukannya menjadi pemimpin yang mencari populariti dan bergerak secara sendirian," katanya.

Beliau memberikan isyarat amat jelas kepada anggota partinya bahawa zaman bertemu orang ramai pada satu majlis besar yang meriah dengan puji-pujian dan kalungan bunga sudah berlalu.

"Presiden mahu mereka turun dari pentas dan berada bersama orang ramai meskipun pemimpin lain sedang memberikan ucapan.

"Beliau sedang menghayunkan cemetinya dan mengarahkan mereka (pemimpin MIC) supaya memberikan khidmat terbaik atau berhadapan dengan penyingkiran bukan sahaja oleh rakyat tetapi juga daripadanya pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau amat serius dalam hal ini, katanya.

Pada mesyuarat itu, Palanivel turut mahukan ketelusan dalam parti dan menggesa para pemimpin parti bukan sahaja sentiasa memaklumkan kepadanya tetapi juga anggota CWC, tentang apa jua perkara berkaitan dengan pengurusan parti itu.

Palanivel turut meredakan kebimbangan bahawa parti itu tidak dapat mengadakan perhimpunan agung parti sebagaimana ia dilaksanakan semasa di bawah kepimpinan Samu Vellu.

"Palanivel memberitahu mereka bahawa beliau sendiri akan melakukan tugas itu tetapi

meminta beberapa anggota CWC mengumpulkan dana daripada para penyokong parti untuk menggerakkan parti itu," katanya.

Pemimpin parti itu berkata Palanivel memberi taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga Pengerusi BN, baru-baru ini mengenai rancangannya bagi MIC.

Palanivel turut memaklumkan kepada Najib bahawa beliau tidak berminat untuk melakukan perubahan radikal dalam parti itu buat masa ini sebaliknya mahu memberi tumpuan kepada pilihan raya umum akan datang.

"Perdana menteri tahu bahawa Palanivel merupakan seorang pemimpin yang lebih praktikal dan realistik. Beliau (Najib) percaya bahawa Palanivel akan melakukan sesuatu yang berbeza dan mengembalikan keyakinan orang ramai dalam MIC dan BN," kata pemimpin parti itu.

--Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/151819>